



19 Februari 2007
1 Safar 1428

UTUSAN MALAYSIA

- Muka Hadapan
- Dalam Negeri
- Politik
- Wakil Utusan
- Luar Negara
- Ekonomi
- Korporat
- Sukan
- Parlimen
- Mahkamah
- Persidangan
- Laporan Khas
- Rencana
- Bicara Agama
- Forum
- Hiburan
- Rancangan TV
- Pendidikan
- Megabait
- Keluarga
- Kesihatan
- Polis & Tentera
- Sastera
- Kartun

Laman Khas

SEARCH ARCHIVES

FEEDBACK

ABOUT US

Let's Talk Berbuallah selalu tanpa gangguan, tanpa had. Cuma satu harga untuk anda berbuallah sepuasnya dengan jelas. Hanya dari TM Homeline.

berbual TANPA HAD kadar TERENDAH

BUAL! BUAL! BUAL!

TIADA CAJ tersembunyi



Sempena Ops Sikap XII yang bermula 11 Feb., Peraduan Tangkap, Hantar dan Menang dilancar bagi membolehkan orang ramai merakamkan aksi-aksi pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan trafik sepanjang bulan ini. Pada pendapat saya, peraduan ini:

- Satu cadangan amat baik dan menarik.
- Perlukan kajian yang lebih mendalam.
- Membeban dan menyusahkan orang ramai.
- Membuka ruang kepada salah guna, penipuan.
- Satu cadangan yang gila dan tidak produktif.

[Keputusan](#)

[Undi](#)

[Arkib Bancian](#)
[Komen Bancian](#)

Utusan@SMS Khidmat

[Korporat](#)

Petro Retail dapat kontrak RM30 juta

KUALA LUMPUR 18 Feb. – ABP Capital Sdn. Bhd. yang dikaitkan dengan tokoh korporat Datuk Pahamin Rajab, telah memberikan kontrak bernilai RM30 juta kepada Petro Retail Sdn. Bhd. untuk membekalkan peralatan dalam menyayakan usahanya mewujudkan serangkaian 200 pusat khidmat automotif di seluruh negara.

Sumber yang rapat dengan ABP Capital hari ini berkata, memorandum persefahaman telah dimeterai baru-baru ini yang menyaksikan Petro Retail membekalkan, mentauliah dan menyelenggara peralatan berkenaan.

Petro Retail merupakan pembekal eksklusif peralatan automotif buatan Itali.

Sumber itu menambah, ABP Capital telahpun menerima penghantaran peralatan bernilai RM3 juta, pada bulan ini.

Difahamkan cadangan mengadakan serangkaian pusat khidmat sedemikian dipercayai memerlukan bekalan peralatan bernilai lebih RM50 juta.

Pahamin yang juga Pengerusi AirAsia Bhd., syarikat penerbangan tambang murah, sebelum ini dilaporkan melabur RM100 juta untuk menceburi bidang perniagaan terbaru.

Pengarah Urusan Petro Retail, Kamarul Hazahar, ketika diminta mengulas telahpun mengesahkan tetapi enggan mengulas mengenai kontrak itu.

Petro Retail yang ditubuhkan pada tahun 2002, adalah kumpulan syarikat-syarikat Protank-Petro Retai yang berpengalaman di bidang industri minyak dan gas serta industri petrokimia.

Kumpulan itu yang juga rakan strategik dengan Petronas, juga membekalkan peralatan kepada terminal minyak, stesen minyak dan bengkel servis.

ABP Capital yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia, diterajui oleh Armin Baniaz Pahamin.

Pahamin dan ABP Capital gagal dihubungi untuk mendapatkan komen.



Tajuk-tajuk Berita

- FAX terus cari pelabur
- Petro Retail dapat kontrak RM30 juta
- H-Displays optimis kekal nombor satu
- Naza Bikes sasar kuasar pasaran

© UTUSAN MELAYU (M) BHD., 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur. E-mail: online@utusan.com.my

[Terms of Use](#)